

DIALOG KEHIDUPAN MUALAF INDIA: DARI MENGENAL ISLAM KEPADA MEMPERKENALKAN ISLAM MELALUI SAMBUTAN PERAYAAN

(INDIAN MUSLIM CONVERTS' DIALOGUE OF LIFE: FROM ACQUAINTANCE WITH ISLAM TO INTRODUCING ISLAM THROUGH FESTIVAL CELEBRATIONS)

Azarudin Awang^{1*}
Azman Che Mat²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia (E-mail: azman531@uitm.edu.my)

*Corresponding author: azaru154@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-5-2026
Revised date : 10-5-2026
Accepted date : 1-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Awang, A., & Che Mat, A. (2026). Dialog kehidupan mualaf India: Dari mengenal Islam kepada memperkenalkan Islam melalui sambutan perayaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 505 – 519.

Abstrak: Artikel ini membincangkan pengalaman dialog kehidupan komuniti mualaf berbangsa India dalam mengenal dan memahami agama Islam. Selanjutnya melihat pengalaman dialog kehidupan mereka setelah memeluk agama Islam khususnya dalam melibatkan diri dalam perayaan asal. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual separa struktur dilakukan ke atas tujuh orang mualaf India. Hasil kajian mendapati kebanyakan mualaf India mengenal Islam melalui pengalaman dialog kehidupan yakni pergaulan dengan rakan Muslim. Manakala pengalaman dialog kehidupan mualaf India dengan keluarga asal bukan Muslim dalam sambutan perayaan asal dibatasi dengan syariat dan akidah Islam. Pengalaman penglibatan dialog kehidupan komuniti mualaf India dalam sambutan perayaan asal sedikit sebanyak mampu membetulkan salah faham keluarga asal, mengeratkan hubungan kekeluargaan selain memperkenalkan kebenaran aspek-aspek yang menyentuh agama Islam dan masyarakatnya yang selama ini dilihat kabur oleh komuniti bukan Muslim. Artikel ini mencadangkan pendekatan praktikal bagi institusi agama, NGO, dan pembuat dasar untuk memperkukuh dialog kehidupan sebagai mekanisme integrasi dan keharmonian sosial khususnya dalam kelompok sesama etnik tetapi berbeza agama.

Kata kunci: mualaf India, dialog kehidupan, mengenal, memperkenalkan, sambutan perayaan.

Abstract: This article discusses the dialogue of life experiences among Indian Muslim converts (mualaf) in becoming acquainted with and understanding Islam. It further examines their experiences dialogue of life after embracing Islam, particularly in relation to their participation in their traditional cultural and religious festivals. This study employed a qualitative approach, involving semi-structured interviews with seven Indian Muslim converts. The findings reveal

that most Indian converts were first introduced to Islam through dialogue of life, particularly through their interactions and friendships with Muslims. Meanwhile, their engagement in dialogue of life with non-Muslim family members during traditional festival celebrations is guided and limited by the principles of Islamic faith (aqidah) and religious law (shariah). The study also found that participation in dialogue of life during traditional celebrations helps to reduce misunderstandings among family members, strengthen family ties, and introduce accurate understandings of Islam and Muslim society, which are often misunderstood or unclear among non-Muslim communities. This article proposes practical approaches for religious institutions, non-governmental organisations (NGOs), and policymakers to strengthen dialogue of life as a mechanism for social integration and harmony, particularly among individuals of the same ethnic background but different religious affiliations.

Keywords: *Indian Muslim converts, dialogue of life, understanding, introducing, festival celebrations*

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama. Komuniti India merupakan etnik yang ketiga terbesar di Malaysia yang majoritinya adalah beragama Hindu, diikuti Kristian dan Muslim. Berdasarkan data Banci Penduduk Malaysia, kira-kira 86% hingga 87% masyarakat India di Malaysia beragama Hindu, manakala selebihnya terdiri daripada penganut Kristian (6%), Islam (4.1%) dan selebihnya adalah lain-lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa agama dalam kalangan masyarakat India sangat berkait rapat dengan identiti etnik dan warisan budaya yang dibawa sejak migrasi dari India Selatan pada era kolonial British (https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_India_Malaysia).

Masyarakat India merupakan kumpulan etnik ketiga terbesar di Malaysia, dengan anggaran sebanyak 6.5% daripada keseluruhan penduduk negara pada tahun 2024 yang kebanyakannya tinggal di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Masyarakat India mempunyai budaya yang kuat dan kaya dengan tradisi yang diwarisi daripada tanah besar India (Jabatan Statistik Malaysia, 2024). Justeru, kehadiran komuniti ini telah menyumbang kepada pembentukan masyarakat majmuk Malaysia melalui pengamalan pelbagai tradisi, budaya dan perayaan yang menjadi sebahagian daripada warisan kebangsaan.

Sikap prihatin, layanan yang baik, dan pergaulan yang sopan daripada jiran, rakan sekerja atau sahabat Muslim menjadi titik mula bagi ramai muallaf India untuk mengenali Islam secara lebih dekat. Ada dalam kalangan mereka ini melakukan penukaran anutan kepercayaan kepada agama Islam (Seo, 2023). Apabila seseorang daripada komuniti ini memeluk Islam, mereka sering berdepan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan ajaran agama baharu. Cabaran ini lazimnya timbul ketika mereka berhadapan hal-hal yang berkaitan perayaan keluarga, amalan ritual, serta pergaulan harian dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim. Terdapat dalam kalangan muallaf India ini berasa serba salah, di satu pihak ingin mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna, tetapi di pihak lain mereka ingin mengekalkan hubungan kekeluargaan dan rasa hormat terhadap budaya asal (Mohd Zulfikaar & Zaifuddin, 2024). Justeru artikel ini meneliti pengalaman muallaf India mengurus konflik budaya dan agama yang mereka hadapi khususnya dalam upacara sambutan perayaan asal mereka.

Kajian Literatur

Kajian literatur ini membincangkan budaya dan perayaan komuniti India, mualaf dan konflik, pandangan umum terhadap sambutan perayaan bukan Islam; dan konsep dialog kehidupan.

Budaya dan Perayaan Komuniti India

Budaya merujuk kepada keseluruhan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, termasuk nilai, kepercayaan, adat resam, bahasa dan amalan sosial yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Budaya berfungsi membentuk identiti sesebuah masyarakat serta menjadi panduan dalam mengatur kehidupan sosial. Selain itu, budaya sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut peredaran zaman serta pengaruh persekitaran (Gregory & Noria, 2020). Budaya komuniti India di Malaysia merangkumi pelbagai unsur seperti bahasa, adat resam, kepercayaan, amalan sosial dan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun dalam kalangan masyarakat diaspora India. Elemen budaya ini membentuk identiti etnik serta diamalkan dalam kehidupan harian termasuk dalam konteks keluarga, agama dan perayaan (Punitha & Kumaran, 2014).

Perayaan dilihat berfungsi sebagai medium penting dalam mengekalkan kesinambungan budaya dan mengukuhkan keharmonian masyarakat melalui amalan kunjung mengunjung. Melalui sambutan perayaan, warisan budaya dapat dipelihara dan diwariskan kepada generasi seterusnya di samping mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti (Johan et al. 2022). Bagi masyarakat India, sambutan perayaan seperti Deepavali, Thaipusam dan Pongal merupakan manifestasi budaya yang berfungsi untuk memelihara identiti etnik, nilai tradisi serta warisan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun (Velmurugan & Rajalakshmi, 2025). Bagi komuniti Indian sambutan perayaan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan komuniti, malah menjadi medium penting dalam mengekalkan kesinambungan budaya masyarakat India di Malaysia

Mualaf India dan Konflik Budaya

Pemelukan etnik India kepada Islam menyumbang sekitar 16% hingga 22% daripada jumlah pemelukan tahunan antara tahun 2018-2024. Walaupun berlaku turun naik, kumpulan ini kekal antara penyumbang utama dalam statistik pemelukan Islam di Malaysia sepanjang tempoh tersebut. Berdasarkan jadual 1 di bawah, pada tahun 2018, jumlah mualaf India adalah 346 orang dan meningkat secara mendadak pada 2019 kepada 1,243 orang, sebelum menurun sedikit tetapi kekal tinggi pada 2020 (1,042) dan 2021 (1,025). Trend ini menunjukkan fasa kestabilan pada tahap tinggi, dengan sedikit penurunan pada 2022 (934), diikuti peningkatan semula pada 2023 (1,187) yang mencerminkan pemulihan aktiviti pemelukan. Namun, pada tahun 2024 berlaku penurunan ketara kepada 406 orang, yang merupakan salah satu angka terendah dalam tempoh kajian. Perihal ini boleh diperhatikan melalui jadual di bawah:

Jadual 1: Statistik Pendaftaran Mualaf Mengikut Tahun & Bangsa Asal di Malaysia

Bangsa Asal	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Cina	452	1,605	1,360	1,017	854	1,100	514
India	346	1,243	1,042	1,025	934	1,187	406
Etnik Sabah	72	565	466	337	248	336	262
Bumiputra Sarawak	413	1,413	845	432	299	565	290
Orang Asli (Semenanjung)	324	694	416	1,395	893	1,304	536
Lain-Lain	305	1,262	1,520	761	997	1,487	541
Tiada Maklumat	193	40	5	24	40	21	18

Sumber: (JAKIM, 2024)

Kajian yang dilakukan oleh Azarudin dan Azman (2025) mendapati bahawa mualaf menghadapi dilema identiti apabila gagal menyeimbangkan pegangan Islam dengan tradisi budaya asal, terutamanya dalam perayaan bukan Islam. Perubahan agama bukan sahaja melibatkan pertukaran pegangan akidah, bahkan turut memberi kesan terhadap cara hidup, hubungan kekeluargaan, budaya, emosi dan kedudukan sosial individu tersebut. Dalam banyak keadaan, mualaf berada dalam situasi “di antara dua dunia”, sama ada berpegang kepada identiti lama yang telah sebatu sejak kecil dengan identiti baharu sebagai seorang Muslim mualaf. Mualaf merupakan mana-mana individu yang baru memeluk agama Islam dan masih dalam proses pengenalan serta pengukuhan akidah, kefahaman, dan amalan Islam dalam kehidupan seharian. Lazimnya, tempoh mualaf merujuk kepada fasa peralihan seseorang selepas memeluk Islam yang biasanya disertai bimbingan berterusan daripada institusi agama atau masyarakat sehingga mereka mampu mengamalkan Islam dengan lebih stabil dan mantap (Azman et al., 2020).

Konflik ini biasanya berlaku apabila seseorang mualaf berusaha menyesuaikan diri dengan tuntutan agama Islam, namun pada masa yang sama masih mempunyai keterikatan emosi dan budaya terhadap keluarga serta masyarakat asal mereka. Sebahagian mualaf berhadapan dengan tekanan daripada ahli keluarga yang sukar menerima keputusan mereka memeluk Islam. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka berasa tersisih, dipulaukan, malah ada yang kehilangan sokongan keluarga dan rakan-rakan. Dalam situasi tertentu, mualaf terpaksa menyembunyikan identiti keislaman mereka bagi mengelakkan berlakunya konflik yang lebih besar. Berkait dengan ini, Mohd Faqih dan Zuliza (2020) menyatakan mualaf India juga sering berhadapan dengan dilema apabila perlu mengekalkan hubungan kekeluargaan dengan ahli keluarga yang bukan beragama Islam, terutamanya ketika berlangsungnya majlis atau perayaan yang mempunyai unsur keagamaan. Situasi ini menuntut mereka untuk membuat penyesuaian yang seimbang antara tuntutan agama baharu dan hubungan sosial sedia ada. Malah terdapat persepsi dalam kalangan mualaf merasakan bahawa mereka perlu meninggalkan keseluruhan budaya asal untuk diterima sebagai Muslim yang baik biarpun Islam tidak menolak pengamalan budaya sesuatu kaum dengan syarat ia tidak bercanggah dengan syariat.

Pandangan Umum Terhadap Sambutan Perayaan Bukan Islam

Penyertaan dalam sambutan perayaan pelbagai kaum berpotensi memperkukuhkan keharmonian dan persefahaman dalam masyarakat majmuk. Namun demikian, penyertaan tersebut perlu diteliti dengan berhati-hati agar tidak melibatkan amalan yang bercanggah dengan prinsip akidah Islam (Mohd Faqih & Zuliza, 2020). Justeru Islam telah menetapkan batasan tertentu dalam hubungan sosial dengan penganut agama lain, termasuk mengelakkan penglibatan dalam ritual atau simbol keagamaan yang boleh membawa kepada unsur penyerupaan terhadap amalan agama lain.

Secara umumnya, para ulama membezakan antara penglibatan yang bersifat sosial dan penglibatan yang mempunyai unsur pengiktirafan terhadap kepercayaan agama lain. Islam membenarkan umatnya menghadiri rumah terbuka, memberi ucapan tahniah, menziarahi jiran atau ahli keluarga bukan Islam serta menjaga hubungan kemasyarakatan selagi tidak terlibat dalam ritual keagamaan yang bercanggah dengan syariat. Keharusan ini bertujuan memelihara keharmonian masyarakat dan menampilkan imej Islam yang toleran serta berakhlak mulia (Basri, 2010).

Pun begitu, Islam melarang umatnya terlibat dalam upacara keagamaan bukan Islam yang boleh membawa kepada unsur syirik, pengagungan agama lain atau penyerupaan dalam aspek ritual

keagamaan (*al-tashabbuh*). Antara perkara yang dilarang ialah menyertai sembah, memakai simbol agama tertentu dengan niat pengagungan, membaca doa keagamaan agama lain, atau mempercayai unsur-unsur yang bercanggah dengan tauhid. Larangan ini bertujuan memelihara identiti dan pegangan akidah umat Islam agar tidak berlaku percampuran kepercayaan (Mohd Anuar et al., 2017). Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, isu sambutan perayaan bukan Islam sering dikaitkan dengan konsep *al-tashabbuh* iaitu penyerupaan terhadap amalan agama lain. Menurut sebahagian sarjana Islam, tidak semua bentuk penyerupaan dianggap haram, sebaliknya hukum bergantung kepada tujuan, bentuk amalan dan unsur keagamaan yang terlibat. Jika sesuatu amalan hanya berbentuk adat budaya dan tidak mempunyai unsur ritual agama, maka ia boleh dihapuskan berdasarkan maslahat sosial dan keharmonian masyarakat (Mohd Faqih & Zuliza, 2020).

Bagi golongan mualaf, isu ini menjadi lebih sensitif kerana mereka masih mempunyai hubungan rapat dengan keluarga bukan Muslim. Sebahagian mualaf menghadapi dilema antara menjaga hubungan kekeluargaan dan mematuhi tuntutan agama. Dalam keadaan ini, pendekatan fiqh yang sederhana dan berhikmah amat diperlukan. Islam tidak melarang seseorang mualaf untuk berbuat baik kepada ibu bapa serta ahli keluarga bukan Muslim, malah al-Quran menganjurkan agar umat Islam supaya terus berbuat ihsan kepada mereka (ahli keluarga bukan Islam) selagi tidak melibatkan perkara yang bercanggah dengan syariat (Basri, 2010). Oleh itu, menghadiri majlis keluarga atau rumah terbuka atas dasar hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan sering dihukumkan harus selagi tidak melibatkan ritual agama.

Secara umumnya institusi agama di Malaysia juga menekankan bahawa penglibatan umat Islam dalam sambutan perayaan bukan Islam perlulah mengambil kira batasan akidah, tujuan kehadiran dan keadaan masyarakat setempat. Pendekatan yang terlalu keras tanpa mempertimbangkan realiti masyarakat majmuk boleh menimbulkan salah faham terhadap Islam dan memberi tekanan kepada golongan mualaf (MAIS, 2010). Keadaan ini menuntut suatu pendekatan yang sederhana dan berhikmah agar hubungan kekeluargaan serta perpaduan masyarakat dapat dipelihara tanpa mengkompromikan pegangan akidah.

Konsep Dialog Kehidupan

Dalam Islam, hubungan Muslim dengan bukan Muslim sangat berkait rapat dengan *fiqh al-ta'āyush* satu disiplin berdasarkan prinsip syariah dengan menggariskan prinsip hidup bersama secara damai antara Muslim dan bukan Muslim berdasarkan nilai *ta'āruf* (saling kenal), *tasāmuḥ* (toleransi), *ta'āwun* (kerjasama) dan *mahabbah* (kasih sayang) (Mohd Khambali @ Hambali, 2020). Jalinan hubungan sesama etnik yang berbeza agama mampu diserlahkan melalui jalinan bentuk dialog agama yang dikenali sebagai dialog kehidupan. Dialog kehidupan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia merupakan satu konsep interaksi harian dalam masyarakat berbilang agama yang menekankan kehadiran bersama secara aman dan penuh hormat dalam apa jua aktiviti kehidupan termasuklah dalam sambutan perayaan. Namun begitu bagi Muslim dialog kehidupan perlulah didasarkan kepada batas-batas syariat agama (Azarudin & Khadijah, 2015).

Melalui dialog kehidupan, individu dan komuniti berbeza agama dapat membina hubungan sosial di mana-mana samada di sekolah, di dalam bus, di pasar dan sebagainya berdasarkan penghormatan dan kepedulian, sambil menghormati batas akidah masing-masing (contohnya tidak terlibat dalam ritual keagamaan yang bertentangan) tetapi tetap bekerjasama dalam bidang sosial seperti kebajikan dan kemasyarakatan. Konsep ini membantu mengurangkan prasangka,

memelihara keamanan sosial, dan membina keharmonian dalam masyarakat majmuk (Khalli, 2021). Bagi muaf India, dialog kehidupan menjadi jambatan penting untuk menjelaskan batas agama dengan hikmah, mengekalkan hubungan kekeluargaan, dan menyesuaikan diri dalam masyarakat majmuk.

Dialog kehidupan merupakan interaksi yang bersifat simbolik dan dialog yang bersifat bukan verbal (Blumer, 1969), yakni individu membentuk makna melalui melalui pengalaman teladan akhlak, norma sosial, dan nilai kemanusiaan (Mohd Khambali @ Hambali et al., 2022). Selain itu, dialog kehidupan juga selari dengan dialog antarabudaya, yang menekankan komunikasi terbuka antara kumpulan berbilang budaya dan agama untuk membina pemahaman, menghormati perbezaan, dan mencari persamaan nilai (IKIM, n.d.a; IKIM, n.d.b). Bagi muaf India, dialog kehidupan menjadi jambatan penting untuk menjelaskan batas agama dengan hikmah, mengekalkan hubungan kekeluargaan, dan menyesuaikan diri dalam masyarakat majmuk. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan salah faham dan prasangka, tetapi turut membina keharmonian sosial yang berterusan di dalam komuniti yang pelbagai budaya dan agama.

Metodologi Kajian

Data bagi kajian ini diperoleh melalui dua kaedah utama, iaitu analisis dokumen dan kerja lapangan. Analisis dokumen melibatkan penelitian terhadap pelbagai sumber sekunder seperti buku ilmiah, artikel jurnal, tesis, disertasi serta penerbitan akademik yang berkaitan dengan fokus kajian. Proses ini dilaksanakan pada peringkat awal penyelidikan bagi membolehkan penyelidik memahami kerangka teori, mengenal pasti dapatan kajian terdahulu serta menelusuri jurang penyelidikan yang masih memerlukan penerokaan lanjut. Melalui penelitian literatur tersebut, penyelidik dapat membina asas pengetahuan yang kukuh sebelum memasuki fasa pengumpulan data lapangan.

Bagi pengumpulan data primer, kajian lapangan telah dijalankan di beberapa pusat bimbingan saudara baharu yang terletak di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kuala Terengganu serta Gua Musang. Pemilihan lokasi-lokasi ini dibuat berdasarkan kedudukannya sebagai pusat latihan dan bimbingan utama kepada muaf di kawasan masing-masing. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan peserta yang memenuhi ciri-ciri tertentu yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan (Creswell & Poth, 2018). Walaupun kajian ini tidak melibatkan keseluruhan populasi muaf di Malaysia, pemilihan informan dari beberapa zon yang berbeza membolehkan penyelidik memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai pengalaman komuniti muaf di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, pendekatan ini turut membantu penyelidik meneliti isu-isu yang dipengaruhi oleh faktor demografi, budaya dan sosioekonomi yang berbeza mengikut lokasi. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual mendalam yang berpandukan protokol temu bual yang telah melalui proses semakan dan penilaian oleh pakar dalam bidang berkaitan. Temu bual dijalankan menggunakan pendekatan separa berstruktur bagi membolehkan penyelidik meneroka pengalaman informan secara lebih mendalam tanpa terikat sepenuhnya kepada set soalan yang rigid. Soalan-soalan temu bual dibangunkan berdasarkan tema-tema yang dikenal pasti daripada sorotan literatur dan digunakan sebagai panduan sepanjang sesi temu bual berlangsung.

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis telah dijalankan bagi menilai kesesuaian instrumen kajian. Kajian rintis ini membolehkan penyelidik mengenal pasti kelemahan dalam instrumen, melakukan penambahbaikan terhadap item-item soalan serta

menyesuikannya dengan maklum balas yang diterima daripada responden. Selain membantu meningkatkan kesahan instrumen, kajian rintis turut memberi gambaran awal mengenai prosedur pengumpulan data, keperluan logistik dan cabaran yang mungkin dihadapi semasa kajian sebenar dijalankan. Proses ini memastikan setiap soalan yang digunakan mampu menghasilkan maklumat yang konsisten dan selaras dengan objektif kajian.

Seramai tujuh orang mualaf berbangsa India telah dipilih sebagai peserta kajian dan ditemu bual secara separa berstruktur. Bagi menjaga etika penyelidikan dan kerahsiaan identiti peserta, setiap informan diberikan kod khas, iaitu Info#1 hingga Info#7. Temu bual diteruskan sehingga data yang diperolehi mencapai tahap ketepuan, iaitu apabila maklumat baharu yang diperolehi semakin berkurangan dan dapatan yang dikumpulkan telah memadai untuk menjawab persoalan kajian. Semua sesi temu bual dirakam dalam bentuk audio sebelum ditranskripsikan secara verbatim. Seterusnya, proses pengkodan dilakukan secara manual bagi mengenal pasti kategori dan tema-tema utama yang muncul daripada data, sekali gus membolehkan analisis dilakukan secara sistematik dan teratur.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian membincangkan profil informan, pengalaman dialog kehidupan informan dalam memahami Islam, hubungan dengan keluarga asal setelah memeluk Islam, pengalaman dialog kehidupan semasa merayakan perayaan asal dan implikasi dialog kehidupan.

Profil Informan

Profil informan kajian menunjukkan mualaf India berasal dari kepelbagaian latar belakang agama dengan lima orang adalah bekas penganut Hindu, seorang bekas penganut Kristian dan seorang adalah Atheis. Keadaan ini menggambarkan bahawa pengalaman pemeluk Islam dalam kalangan masyarakat India tidak terhad kepada satu latar keagamaan tertentu, sebaliknya merangkumi pelbagai pengalaman kepercayaan. Informan terdiri daripada 5 lelaki dan 2 wanita. Dari sudut geografi, informan berasal daripada beberapa negeri yang berbeza, iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kelantan, Johor dan Terengganu, sekali gus memberikan variasi konteks sosial dan budaya yang berpotensi mempengaruhi pengalaman mereka selepas memeluk Islam. Tempoh memeluk Islam pula berada dalam julat antara tiga hingga dua puluh satu tahun, menunjukkan gabungan pengalaman mualaf baharu dan mualaf yang telah lama mengamalkan Islam. Kepelbagaian tempoh ini membolehkan kajian meneliti perubahan persepsi, cabaran penyesuaian dan pembentukan hubungan dengan keluarga bukan Islam dalam jangka masa yang berbeza, sekali gus memperkayakan analisis terhadap pengalaman dialog kehidupan dan penglibatan mereka dalam sambutan perayaan bukan Muslim. Maklumat profil informan boleh diperhatikan dari jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Profil Informan Mualaf India

Informan	Jantina	Agama Asal	Tempat Asal	Tempoh Masuk Islam
Info#1	Lelaki	Kristian	Kuala Lumpur	12 tahun
Info#2	Lelaki	Ateis	Kuala Lumpur	7 tahun
Info#3	Lelaki	Hindu	Kuala Lumpur	6 tahun
Info#4	Perempuan	Hindu	Pinang	11 tahun
Info#5	Lelaki	Hindu	Kelantan	3 tahun
Info#6	Perempuan	Hindu	Johor	5 tahun
Info#7	Lelaki	Hindu	Terengganu	21 tahun

Sumber: Kajian Lapangan

Dialog Kehidupan Mengenali Islam Sebelum Pemeluk Islam

Faktor pergaulan dengan rakan-rakan beragama Islam membuka ruang kepada mualaf India untuk mengenal dan memahami Islam dengan lebih mendalam. Perihal ini dinyatakan pengalaman dialog kehidupan Info#2 sebagaimana di bawah di bawah:

Dari umur saya 10 tahun. Masa tu sekolah rendah. Saya macam... *Interested* lah. Sebab kawan-kawan saya semuanya Melayu. Sekolah Melayu? Sekolah Kebangsaan. Tapi kawan saya... So, saya macam tertarik untuk tahu agama Islam. Tapi saya tak bagitahu ...

Pengalaman dialog kehidupan untuk memahami amalan yang dilakukan oleh rakan Islam membuka ruang mualaf untuk mencuba melakukannya. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Jadi bila saya masuk sekolah..masa saya form 6 saya masuk asrama keluarga saya semua dah pindahlah.. masa tu pindah saya sorang je kat asrama. Jadi masa tu..saya sorang je yang bukan Islam di asrama tu. Jadi masuk bulan puasa..saya berpuasa jugak sebulan dengan mereka (Info#2).

Masa sekolah lagi. Saya ni tahu baca doa...(mengikuti rakan-rakan Muslim)..orang kata doa-doa sekolah semua saya boleh baca. Pagi tu orang boleh baca doa..tapi tak adalah kata nak minat nak masuk Islam (Info#7).

Biarpun begitu, terdapat dalam kalangan informan menyatakan bahawa faktor lain menyebabkan dirinya tergerak lebih cepat untuk memeluk Islam. Hal ini dinyatakan oleh Info#1

Before one night saya syahadah saya mimpi datang la seorang yang pakai baju warna putih, macam mengajak saya, masa saya bangun tu berpeluh badan saya, lepastu saya duduk dan fikir betul betul, *someone is calling me*.

Info#6 pula menyatakan pengalaman dialog kehidupan melalui rakan Muslim yang sebangsanya membuka ruang untuk mengkaji Islam. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Bila suami saya meninggal (dalam Hindu) saya sangat stress sehinggalah kawan saya selalu datang mengambil berat dan bertanya khabar. Suatu hari dia mesej kepada saya terjemahan *iyakana ' budu wa iyaka nastain* dia suruh saya kaji ayat ini

Meskipun komuniti India bukan Muslim telah melalui pelbagai proses pengenalan terhadap Islam melalui jalinan aktiviti dialog kehidupan, hidayah Allah SWT tetap menjadi asas yang paling signifikan dalam mendorong mereka menerima Islam sebagai agama anutan. Perihal ini dinyatakan sebagai mana berikut:

Kalau saya atas faktor hidayah la, dapat hidayah. Bukan apa ajakkan ke, orang berdakwah ke ataupun...(Info#5)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan sosial merentas agama dan proses dialog kehidupan dengan rakan-rakan Muslim merupakan antara faktor penting yang membuka ruang kepada mualaf India untuk mengenali dan memahami Islam secara lebih dekat. Pengalaman

Info#2 dan Info#7 memperlihatkan bahawa interaksi harian di sekolah dan asrama bukan sahaja menimbulkan rasa ingin tahu terhadap Islam, malah mendorong mereka untuk turut serta dalam beberapa amalan seperti berpuasa dan membaca doa bersama rakan-rakan Muslim. Keadaan ini menunjukkan bahawa proses pengenalan Islam berlaku secara semula jadi melalui pemerhatian, perkongsian pengalaman dan penyertaan dalam kehidupan seharian masyarakat Muslim. Selain itu, pengalaman Info#6 membuktikan bahawa sikap prihatin dan sokongan emosi yang ditunjukkan oleh rakan Muslim ketika menghadapi krisis kehidupan turut menjadi pemangkin kepada usaha mendalami ajaran Islam. Dapatan ini selari dengan kajian Azarudin dan Khadijah (2015) yang menjelaskan bahawa hubungan interpersonal dengan masyarakat Muslim khususnya melalui jalinan aktiviti dialog kehidupan seperti makan bersama-sama, pergaulan, tinggal sebumbung berperanan sebagai medium dakwah tidak formal yang berkesan dalam mempengaruhi proses untuk mengenal Islam dan selanjutnya proses pengislaman seseorang. Walau bagaimanapun, faktor hubungan sosial bukanlah satu-satunya penyebab kepada pemeluk Islam kerana terdapat informan seperti Info#1 yang mengaitkan keputusan tersebut dengan pengalaman spiritual peribadi, manakala Info#5 menegaskan bahawa hidayah Allah SWT merupakan faktor utama yang menggerakkan hatinya untuk menerima Islam. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa proses pemeluk Islam dalam kalangan mualaf India terhasil daripada gabungan faktor pergaulan sosial, pengalaman hidup, sokongan emosi dan pengalaman kerohanian, namun hidayah Allah SWT tetap dilihat sebagai faktor penentu yang paling signifikan.

Hubungan Dengan Keluarga Setelah Memeluk Islam

Cabaran utama selepas memeluk Islam ialah menerima tentangan daripada keluarga terdekat. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut:

dulu *firstly*..memang cabaran luar biasa, hari hari saya menangis la macam tu, family saya tak boleh accept (saya memeluk Islam) (Info#4)

Pengalaman ini dikongsikan juga oleh Info#1:

kalau reaksi keluarga..saya kena halau, saya kalau dah kristian lahir 6 generasi, anak dah 6 , mereka kuat dengan pemegang catholic, hubungan catholic dia very strong, dia ada church besar, every sunday kena pergi church la. Tiba2 saya seorang masuk Islam tu ha, family saya terkejut la

Info#6 pula menyatakan bahawa seluruh ahli keluarganya menentang penukaran agamanya. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Saya rahsiakan Islam saya, cucu saya buka hp saya, dia tengok banyak yang ialamik...Anak saya 2 hari tak bercakap dengan saya...adik beradik dan mak semuanya marah-marah dengan saya

Info#5 pula menjelaskan bahawa setelah dua bulan dari tarikh memeluk Islam barulah dirinya cuba membina semula hubungan melalui perbualan telefon ekoran tentangan daripada keluarga terdekat. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

dua bulan tu baru communicate melalui telefon, kita nak biasakan dengan diorang dengan keadaan kita yang Islam dengan bukan Islam ni jadi ambik masa

Namun berbeza dengan Info#2 yang mendapat sokongan keluarga terdekat untuk memilih Islam sebagai agama anutan. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Saya tinggal dengan ayah, saya jaga ayah saya je. *So*, ayah saya selalu cakap, dia kata kalau kamu hidup sorang, takde saudara-saudara. *The best thing to do*, masuk Islam. Sebab Islam akan jaga kamu

Manakala reaksi keluarga Info#7 bersifat agak neutral. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Orang tanya mak saya..anak masuk Islam ke? Anak masuk Islam. Dia jadi lain macam. Sungguh ke dia masuk ni? Lepas tu dia tanya kita. Dia tak marah

Bagi Info#3, keluarga memberi pilihan untuk ahli memilih melakukan penukaran agama selain Islam sahaja. Hal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Mak kami memang daripada kecil melarang kami untuk kahwin dengan orang Islam tetapi dia kata tak kisah nak pilih agama apa tetapi jangan Islam. Memang dari kecil kami diberitahu macam tu. Sebab bagi mereka Islam ni kena *one way*. Bila dah masuk je .. dah tak boleh keluar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tentangan keluarga merupakan cabaran paling dominan yang dihadapi oleh muallaf India selepas memeluk Islam. Pengalaman Info#1, Info#4, Info#5 dan Info#6 memperlihatkan bahawa penukaran agama sering menimbulkan konflik emosi, penolakan sosial dan keretakan hubungan kekeluargaan, termasuk dihalau dari rumah, dipulaukan serta berdepan kesukaran untuk mengekalkan komunikasi dengan ahli keluarga yang tidak dapat menerima perubahan pegangan agama mereka. Situasi ini berlaku kerana pemeluk Islam sering ditafsirkan oleh keluarga bukan Islam sebagai penolakan terhadap tradisi, identiti budaya dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Nur Najwa Hanani et al. (2020) yang mendapati bahawa muallaf sering mengalami tekanan emosi dan cabaran dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan selepas pengislaman, namun berusaha mengekalkan hubungan tersebut melalui pengurusan emosi dan akhlak yang baik. Selain itu, sorotan literatur oleh Aliakbar dan Md Rasip (2023) turut menjelaskan bahawa konflik keluarga dan krisis identiti merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh muallaf pada peringkat awal pengislaman. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa reaksi keluarga tidak bersifat seragam kerana terdapat informan seperti Info#2 yang menerima sokongan daripada bapanya untuk memeluk Islam, manakala keluarga Info#7 menunjukkan penerimaan yang lebih neutral. Oleh itu, penerimaan keluarga terhadap pemeluk Islam didapati dipengaruhi oleh latar belakang keagamaan, persepsi terhadap Islam dan dinamika hubungan kekeluargaan yang sedia wujud sebelum pengislaman.

Dialog Kehidupan Melalui Sambutan Perayaan

Info#1 menyatakan bahawa beliau akan turut serta dalam sambutan krismas dalam upacara yang dilihat tidak menyalahi syariat agama. Hal ini dinyatakan sebagaimana pengalaman dialog kehidupan meraikan perayaan tersebut:

Saya akan pergi dulu (rumah keluarga). Saya akan beli banyak-banyak hadiah-hadiah, saya akan pergi juga. Setiap tahun, saya akan pergi. Tujuannya saya nak

tunjuk bahawa Islam ni bukan agama yang kita masuk macam *simple-simple* (ambil mudah dalam hubungan keluarga).

Namun ketika sambutan depavali informan terlibat dalam perayaan tersebut sekadar menziarahi ibunya dan atas meraikan jempunan keluarga. Pengalaman dialog kehidupan ini dinyatakan sebagaimana berikut:

memang saya ada mengunjung rumah mak ketika deepavali, sekarang saya sudah kahwin, saya ziarah rumah mak saya. kalau ziarah tu, saya makan tosey (makanan India) saya makan makanan saja (Info#4).

kalau deepavali lepas masuk Islam, kalau dari segi pihak abang saya yang dah meninggal tu kan, dia meninggal dalam keadaan tak masuk Islam la, dia jempun pergi rumah, kawan2 tu ada, keakraban silaturahim walaupun lain agama kita tetap kekal (Info#5).

Info#7 bersama-sama ibunya menyediakan makanan pada hari sambutan. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Cuma kita buat makan tengah hari. Jiran mari. Kawan jabat semua mari makan. Sebab tu saya pagi-pagi lagi dah pergi rumah mak dan saya buat subuh di situ. Lepas semayang saya tolong masak. Kita bagi tahu macam batas-batas daripada awal kat keluarga kita. Macam anak cucu nak makan pisang dia puja dekat tu... kalau anak saya pergi dia akan kabo tak boleh makan. Sebab kita dah bagi tahu benda yang puja tak boleh makan.

Biarpun begitu pengalaman dialog kehidupan kadang kala menimbulkan suasana yang tidak selesa. Info#4 selanjutnya menyatakan berikut:

Bila saya balik sambut depavali..kakak saya tak boleh terima saya pakai purdah hijab ni, masa dia kata macam saya guna benda yang tak berapa elok

Info#3 menyatakan sebagaimana berikut:

Saya balik sama macam biasa pada tika depavali. Cuma, apa-apa ritual dan sembahyang tu, saya tak ikut. Kalau suruh pun saya takkan buat. Ponggal tu, saya cuma join sajalah. Tapi tak ada sembahyang pun tak. Ritual ada lah

Kadangkala informan perlu menjelaskan perkara-perkara yang perlu dibataskan ketika sambutan dijalankan. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

lepas saya masuk Islam dalam sebulan ke dua bulan macam tu dah Deepavali dah, jadi masih stay dengan family, depa sambutlah, lepastu masa tu ajak saya mandi minyak apa semua, sufiya kata mama saya masuk Islam memang tak boleh (Info#4)

Pandangan Info#1 mengucap “selamat” kepada bukan Islam baginya adalah tidak bertepatan. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

By right, yes, tak boleh. *By right, you cannot say* selamat. Okey, dalam agama Islam, bukan masa kita, saya kaji-kaji ni lah. Selamat tak boleh. Kerana mereka tak selamat. Kita tak boleh mendoakan mereka selamat. *Yes*, kerana mereka belum selamat lagi. So, term itu tak betul pun tak? *Term* itu selamat itu *wrong*. Tapi kalau kita cakap Merry Krismas boleh (memberi maksud selamat bergembira pada Hari Krismas).

Info#6 mengambil pendekatan lebih selamat dengan hanya mengunjungi ahli keluarga selamat selesai sambutan satu hari depavali. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Saya bertanya ustaz kalau deepavali adat, *u* boleh pergi tapi kalau ia ritual agama *u* tak boleh pergi. Untuk selamat saya akan pergi berkunjung ke rumah adik beradik saya pada hari kedua atau ketiga selepas depavali

Hasil kajian menjelaskan bahawa muafik India terus mengekalkan hubungan kekeluargaan melalui penglibatan dialog kehidupan dalam sambutan perayaan bukan Islam selepas memeluk Islam, namun penglibatan tersebut dilaksanakan dengan mematuhi batas-batas syariah yang difahami oleh mereka. Pengalaman dialog kehidupan Info#1, Info#4, Info#5 dan Info#7 memperlihatkan bahawa kehadiran mereka dalam sambutan seperti Krismas dan Deepavali lebih bertujuan untuk mengekalkan silaturahim, menziarahi ahli keluarga, memenuhi jemputan serta menjelaskan kepada ahli keluarga bukan Muslim bahawa pemeluk Islam tidak memutuskan hubungan kekeluargaan. Dalam masa yang sama, mereka secara konsisten mengelakkan penyertaan dalam ritual keagamaan, upacara sembahyang dan amalan yang dianggap bercanggah dengan akidah Islam. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa muafik berusaha menjelaskan batasan agama kepada ahli keluarga sebagai sebahagian daripada proses penyesuaian identiti baharu mereka sebagai Muslim. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Mohd Faqih dan Zuliza (2020) yang menjelaskan bahawa Islam menggalakkan muafik mengekalkan hubungan baik dengan ibu bapa dan keluarga bukan Islam melalui ziarah, komunikasi dan penghormatan selagi tidak melibatkan unsur yang bercanggah dengan syariat. Selain itu, Mohd Faqih dan Zuliza juga mendapati bahawa muafik India lazimnya berusaha mengekalkan hubungan kekeluargaan melalui kunjungan ketika perayaan dan majlis keluarga, namun tetap berdepan cabaran dalam menentukan batas penyertaan terhadap ritual keagamaan bukan Islam. Oleh itu, dialog kehidupan melalui sambutan perayaan berfungsi sebagai medium penting untuk memelihara keharmonian keluarga rentas agama di samping membolehkan muafik mengekalkan komitmen terhadap prinsip akidah dan syariat Islam.

Implikasi Dialog kehidupan Dalam Menyambut Perayaan

Pengalaman dialog kehidupan mendedahkan kepada ahli keluarga bukan Muslim bahawa memeluk Islam tidak menyebabkan hubungan keluarga terputus. Sebagai timbal balik kunjungan ziarah ketiga perayaan ibu kepada info#4 menyediakan makanan halal untuk ahli keluarganya yang Muslim. Hal ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Alhamdulillah, sekarang mak pun ikut niat sayala, makanan pun halal ja belikan dari orang Melayu

Dari sudut yang lain, berkunjung ketika sambutan menyebabkan ahli keluarga bukan Muslim gembira kerana jalinan silaturahim dapat dikekalkan biarpun berbeza agama. Hal ini dinyatakan pada transkrip berikut:

Kalau kita pergi situ kita dapat menjalin hubungan silaturahim. Dan dari segi satu dakwah kita boleh buat dakwah juga. Bukan dia kata bila anak-anak Islam dok balik rumah dok pergi. (Info#7)

ya *happy*, mereka (ibu bapa) macam terkejut la saya balik, baru *first year* sambut dengan pasangan saya (Info#3)

Ahli keluarga bukan Muslim memperolehi maklumat baharu tentang Islam hasil soal jawab ketika berlakunya dialog. Hal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Sebab tu keluarga kita walaupun bukan Islam kita kena bagitahu. Kalau tak bagitahu bukannya dia tahu. Dia tak faham betul halal tu setara mana halal. Dia fikir takde babi takde anjing boleh makan.

Berdasarkan pengalaman informan, dialog kehidupan yang berlangsung dalam konteks sambutan perayaan telah menghasilkan pelbagai implikasi positif terhadap hubungan sosial dan interaksi antara ahli keluarga yang berlainan agama. Pengalaman informan memperlihatkan bahawa penglibatan dalam ziarah dan interaksi semasa perayaan telah membantu keluarga bukan Muslim memahami bahawa pemeluk Islam tidak menyebabkan hubungan kekeluargaan terputus. Sebagai contoh, pengalaman Info#4 menunjukkan bahawa ibunya mula memahami keperluan syariat Islam sehingga menyediakan makanan halal ketika kunjungan keluarga Muslim. Selain itu, kehadiran muallaf dalam sambutan perayaan turut menggembarakan ahli keluarga kerana hubungan silaturahim dapat diteruskan walaupun berbeza pegangan agama. Dalam masa yang sama, interaksi yang berlaku semasa kunjungan membuka ruang kepada proses perkongsian maklumat dan penjelasan mengenai ajaran Islam, khususnya berkaitan konsep halal yang sebelum ini kurang difahami oleh keluarga bukan Muslim. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Sarip Adul (2015) yang mendapati bahawa hubungan kekeluargaan yang berterusan membantu meningkatkan kefahaman keluarga bukan Islam terhadap tuntutan syariat serta mengurangkan konflik yang timbul selepas pemeluk Islam. Selain itu, kajian oleh Siti Nurjannati dan Razaleigh (2020) menjelaskan bahawa interaksi harian dan akhlak muallaf berperanan sebagai medium dakwah yang berkesan dalam memperkenalkan nilai-nilai Islam kepada masyarakat bukan Islam. Oleh itu, dialog kehidupan dalam konteks sambutan perayaan bukan sahaja berfungsi memelihara keharmonian keluarga rentas agama, malah menjadi platform penting untuk membina kefahaman, mengurangkan prasangka dan memperkukuhkan hubungan sosial dalam masyarakat majmuk.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa proses pemeluk Islam dalam kalangan muallaf India tidak berlaku secara serta-merta, sebaliknya melalui pengalaman dialog kehidupan yang berlangsung dalam pelbagai bentuk interaksi sosial bersama masyarakat Muslim. Pergaulan dengan rakan-rakan Islam di sekolah, tempat tinggal dan persekitaran sosial telah membuka ruang kepada mereka untuk mengenali ajaran Islam secara lebih dekat melalui pemerhatian, perkongsian pengalaman dan teladan akhlak. Walaupun faktor hubungan sosial, sokongan emosi dan pengalaman spiritual memainkan peranan penting dalam perjalanan pengislaman mereka, hidayah Allah SWT tetap dilihat sebagai faktor utama yang mendorong penerimaan Islam sebagai agama anutan. Selepas memeluk Islam, majoriti informan berhadapan cabaran penolakan dan tentangan daripada keluarga bukan Muslim, namun mereka berusaha mengekalkan hubungan kekeluargaan melalui pendekatan yang berhikmah, sabar dan berakhlak baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemeluk Islam bukan sekadar perubahan

pegangan agama, malah melibatkan proses penyesuaian identiti, emosi dan hubungan sosial yang kompleks.

Kajian ini turut membuktikan bahawa dialog kehidupan melalui sambutan perayaan bukan Muslim berfungsi sebagai medium penting dalam mengekalkan keharmonian keluarga rentas agama tanpa mengabaikan batasan syariat Islam. Penglibatan mualaf dalam ziarah, kunjung-mengunjung dan aktiviti sosial yang tidak melibatkan ritual keagamaan telah membantu mengurangkan salah faham, memelihara silaturahim dan meningkatkan kefahaman ahli keluarga bukan Muslim terhadap ajaran Islam. Malah, interaksi yang berlaku semasa sambutan perayaan turut membuka ruang dakwah secara tidak langsung melalui penjelasan mengenai konsep halal, batas akidah dan nilai-nilai Islam. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pendekatan fiqh *al-ta'āyush* yang berteraskan toleransi, penghormatan dan kebijaksanaan amat relevan dalam mengurus hubungan antara agama dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, institusi agama dan pusat bimbingan mualaf wajar memperkukuhkan program pendidikan yang menekankan kemahiran dialog kehidupan serta pengurusan hubungan keluarga rentas agama agar proses integrasi mualaf dalam masyarakat dapat berlangsung dengan lebih harmoni dan berkesan.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana untuk penyelidikan yang dijalankan

Rujukan

- Aini, Z., & Wan Ismail, W. N. A. (2018). Amalan konsep fiqh *al-ta'āyush* sebagai wahana dakwah masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam *Rahmah li al-Ālamīn: Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aliakbar, M. Z. A., & Md Rasip, Z. (2023). Cabaran mualaf di Malaysia dan cadangan penyelesaian. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 169–183.
- Azarudin Awang & Azman Che Mat (2025). Muslim converts' narratives of tolerance towards non-Muslim celebrations in Malaysia: A qualitative study in Sabah and Kelantan. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(8), 5050–5061.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2015). Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan. *Jurnal Komunikasi* 31(2), 7-60.
- Azman Ab. Rahman, Nordin, N. S., Abd. Shakor, M. F., Zakaria, M. A., Nur Ain Syafiqah, & Hamdan, M. N. (2020). Kaedah pengukuran penentuan status mualaf kepada mukalaf dalam konteks Malaysia. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(2), 41–49.
- Basri Ibrahim. (2014). Hukum penglibatan orang Islam dalam perayaan bukan Islam dalam konteks Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 3, 77–96.
- Blumer, H. (1969). *Symbolic interactionism: Perspective and method*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Current population estimates, Malaysia, 2024*. Putrajaya: DOSM.
- Gregory Kiyai @ Keai, & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59–71.

- Johan Johnes, Rosazman Hussin, & Trixie Marjorie Tangit. (2022). Keharmonian masyarakat melalui perayaan rakyat. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19, 75–87.
- Khalli, M. N. M. (2021). Models of religious solidarity among various beliefs in Sabah, Malaysia. *Journal of Civilization Studies*, 7(2).
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2020). *MAIS adakan muzakarah panduan sambutan perayaan bukan Islam kepada masyarakat Islam dan muallaf*. Shah Alam: MAIS.
- Mohd Anuar Ramli. (2011). 'Urf majmuk: Konsep dan amalan dalam menziarahi rumah terbuka perayaan agama bukan Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 45–64.
- Mohd Anuar Ramli, Mohd Sulaiman Nuba, Muhammad Ikhlas Rosele, & Ahmad Badri Abdullah. (2017). Perspektif Ibn Taimiyyah tentang al-tasyabbuh dalam sambutan perayaan bukan Islam. *Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(1), 1–13.
- Mohd Faqih Baharudin, & Zuliza Mohd Kusrin. (2020). Interaksi muallaf India dengan keluarga bukan Islam ketika sambutan perayaan agama Hindu. *ISLĀMIYYĀT*, 43(1), 73–84.
- Mohd Khambali @ Hambali, K. Ghazali, A., & Senin, N. (2022). Basis of religious harmony: The fundamental elements of fiqh al-ta'āyush. *Journal of Nusantara Studies*, 7(2), 147–165.
- Mohd Khambali @ Hambali, K. (2020). Kepelbagaian dan kesatuan dalam konteks fiqh al-Ta'āyush di Malaysia menurut perspektif pemikiran Islam. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 22(1), 73–102.
- Nur Najwa Hanani Abdul Rahman, Abdullah, A., Hamdan, M. N., & Ahmad, A. W. (2020). Hubungan emosi dan akhlak dalam kekeluargaan saudara baru selepas memeluk Islam. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2), 55-66.
- Nurul Liana Faisal Azni, & Yusmini Md Yusoff. (2019). Nurturing an Islamic identity throughout familial conflict among new reverts: A critical review. *Sains Insani*, 4(1), 22-29.
- Punitha, S., & Kumaran, S. (2014). Cultural assimilation among Malays and Indians in Malaysia. *Journal of Indian Culture and Civilization*, 1(1), 203-217.
- Sarip Adul. (2015). *Kefahaman fiqah interaksi kekeluargaan antara muallaf dan ahli keluarga bukan Islam di Sabah* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Seo, M. (2023). Religious conversion and citizenship in Malaysia. *Journal of Church and State*, 65(3), 307-317.
- Shah, M. H. S., Ramli, S. F., & Adil, M. A. M. (2025). Kunjungan ke rumah ibadat bukan Islam menurut perspektif hukum syarak dan undang-undang di Malaysia. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 18(1), 1-26.
- Siti Nurjannati Mohamed dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2020). Analisis ringkas impak dakwah kepada golongan muallaf di Hulu Langat, Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 110-12
- Velmurugan, S., & Rajalakshmi, A. (2025). Cultural and heritage connections between Malaysia and India: A shared legacy. *Journal of Indian Studies*, 17, 66-74.
- Wikipedia. (2025). Orang India Malaysia. Dicapai daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_India_Malaysia. Diakses 30 Mei 2026